

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 MARCH 2015

Jangan rosakkan perpaduan parti - Najib

um - 8/3/2015

Oleh **SYUKRI SHAARI**
dan **KHAIRUL ABIDIN NUAR**

pengarang@utusan.com.my

■ IPOH 7 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak menggesa ahli-ahli UMNO supaya jangan berbalah sesama sendiri sehingga merosakkan parti keramat orang Melayu itu.

Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli parti itu bahawa sekiranya UMNO tumbang, bukanlah disebabkan oleh pihak luar, tetapi kerana kelemahan perpaduan dalam parti itu sendiri.

Najib yang juga Presiden UMNO memberitahu, tiada masalah sekiranya ahli-ahli parti tidak sependapat tetapi menegaskan supaya jangan membuat 'angkara' sehingga boleh merosakkan parti.

"Saya tidak boleh bayangkan Perak tanpa UMNO, saya tidak boleh bayangkan Malaysia tanpa

UMNO, apa akan jadi kepada orang Melayu Islam?

"Maka akan terbangsatlah orang Melayu di bumi sendiri. Inilah parti yang perlu kita jaga," katanya ketika berucap merasmikan majlis penutupan Konvensyen Tahunan UMNO Perak dan perasmian serentak

Mesyuarat Tahunan UMNO Cawangan Pergerakan Wanita dan Puteri di Stadium Indera Mulia di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri.

Dalam pada itu, Najib juga meminta ahli-ahli UMNO sama-sama memikirkan bagaimana mahu menyesuaikan diri dalam landskap politik baharu apabila media sosial menjadi semakin penting berbanding akhbar yang menjadi rujukan kedua.

Katanya, mainan media sosial menghantui politik baharu apabila yang benar dilihat salah dan seolah-olah kerajaan semuanya tidak betul.

Beliau percaya dalam politik baharu, pemimpin parti perlu menunjukkan nilai keterbukaan, rendah diri dan sanggup menyusur ke peringkat akar umbi supaya lebih disegani.

"Mahu transformasi ekonomi lebih mudah daripada politik. Transformasi politik mesti mula sesama kita.

"Pemimpin di atas mesti kerjasama dengan baik. Kalau mahu tegur di bawah, di atas mesti betul, barulah kita jadi parti yang kuat," jelas beliau.

Walau bagaimanapun Najib menegaskan, perkembangan itu bukan bererti politik lama yang berteraskan politik pembangunan tidak boleh diamalkan kerana sedikit-sebanyak pendekatan tersebut masih diperlukan oleh rakyat.